

04/03/2003

Dr Mahathir dijangka tiba di Doha hari ini

Kadir Dikoh

DOHA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka tiba di sini hari ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) khusus bagi membincangkan krisis Iraq.

Perdana Menteri yang akan mengambil alih kepemimpinan OIC Oktober ini, dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha petang ini.

Sidang tergeper itu diadakan ketika Amerika Syarikat menerima tamparan hebat apabila Parlimen Turki enggan membenarkan askarnya ditempatkan di wilayah Ankara, manakala Liga Arab pula menolak sepenuhnya sebarang serangan ke atas Iraq.

Parlimen Turki dalam satu pengundian kelmarin menolak usul untuk membenarkan 62,000 askar AS ditempatkan di selatan negara itu bagi melancarkan serangan ke wilayah utara Iraq.

Penolakan Parlimen Turki itu bermakna pangkalan tentera Turki juga tidak boleh digunakan oleh Washington

Sidang kemuncak selama dua hari itu dikelolakan oleh Qatar selaku pengerusi OIC sekarang.

Dr Mahathir yang kini Pengerusi Pergerakan negara Berkecuali (NAM) dijangka turut memberi ucapan pada pertemuan itu nanti.

Sementara itu, The Peninsula, akhbar berbahasa Inggeris di Qatar dalam laporannya semalam menyatakan, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dijangka mengemukakan cadangan supaya Presiden Saddam Hussein meletak jawatan bagi mengelak serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq, pada sidang itu nanti.

UAE mula membuat saranan itu kali pertama oleh sebuah negara Arab, pada mesyuarat Liga Arab di Mesir Sabtu lalu sehingga mencetuskan kemarahan Baghdad.

Cadangan supaya Saddam meletakkan jawatan bagi mengelak perang dan tukaran daripada pendakwaan itu terkandung dalam surat kepada sidang Liga Arab daripada pemimpin UAE, sekali gus bercanggah dengan dasar pemimpin Arab untuk tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain.

Baghdad marah dengan saranan itu dan menyifatkan UEA sebagai ejen Amerika.

Menurut laporan itu, Menteri Luar UAE, Rashid Abdullah Al Nuaimi akan mempertahankan tindakan itu apabila turut mengemukakannya pada Sidang Kemuncak Tergempar OIC di sini.

Rashid dipetik sebagai berkata bahawa isu itu juga dimasukkan dalam agenda mesyuarat Menteri Luar Majlis Kerjasama Teluk (GCC) atas permintaan Kuwait pada sidang majlis itu yang juga sedang berlangsung di sini.

GCC adalah sebuah badan ekonomi yang dianggotai UAE, Kuwait, Oman, Qatar dan Arab Saudi.

Raja Hamad dari Bahrain turut menyokong cadangan UAE itu, menurut agensi berita Bahrain dengan menyifatkan idea itu sebagai nasihat jujur kepada kepemimpinan Iraq yang mempunyai kebebasan sama ada untuk menerima atau menolak cadangan berkenaan.

Cadangan UEA itu dibuat dengan alasan demi kepentingan rakyat Iraq bagi mengelak serangan yang memungkinkan ramai rakyat negara teluk itu terkorban serta bagi mengelak ketidakstabilan rantau teluk.

Namun, sidang kemuncak tergeper OIC yang dianggotai 57 buah negara di Doha ini menjadi perhatian kerana hasilnya nanti akan menentukan sejauh mana pengaruhnya di pentas dunia.

Dengan imej berjaya memulihkan semula NAM, kehadiran Dr Mahathir di Doha ini sudah pasti memberi impak berlainan daripada biasa.

Sementara itu, kerajaan Qatar turut menyediakan berpuluh kereta terbaru BMW 7 siri untuk digunakan oleh ketua kerajaan atau negara yang menghadiri Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini hari ini dan esok.

Kereta itu disediakan oleh sebuah syarikat Alfardan Automobiles. Qatar sebuah negara kaya di rantau teluk menyewakan sebuah pesawat Boeing 747 milik Lufthansa Airlines untuk mengangkut kereta berkenaan.